



BERNAMA - MY

Country Rank	 893	Category	News and Media
Monthly Page Views	805.636 views	Bounce Rate (%)	7600.00 %
Unique Visitors	464.437 visitors	Description	malaysian national news agency your trusted news source, always the first in providing your trusted news source

Article Details

Campaign	LHDN	Ad Value	MYR 10,691
Date	08 Oct 2024 - 17:12:34	PR Value	MYR 32,073
Media	BERNAMA - MY	Topic	- Bills - Equipment - Transaction - Customer - Institutions - Network - Regulation - Fintech Lending - E-commerce - Merchants - Customer Services - Social Media - Account - Interest - Trading - Activation - Consumption - Apps - Top Up - Transfer
Country	Malaysia		
Language	Malay		
Journalist	Anonymous		
Total Character	3,527 Characters		
Sentiment	Positive		
Spokesperons	Negeri Wilayah Putrajaya Rohaizad Abd Fandi		

- Seller
- Promo
- Testimonials
- Stock
- Shopping
- Loan
- Activity
- Technology
- Education

Pempengaruh Perlu Jadi Pembayar Cukai, Tunjuk Contoh Kepada Masyarakat - LHDNKUALA LUMPUR, 8 Okt (Bernama) -- Pempengaruh (influencer) masih perlu menjadi pembayar cukai walaupun tidak menerima bayaran secara berkala seperti individu yang menerima pendapatan tetap setiap bulan

KUALA LUMPUR, 8 Okt (Bernama) -- Pempengaruh (influencer) masih perlu menjadi pembayar cukai walaupun tidak menerima bayaran secara berkala seperti individu yang menerima pendapatan tetap setiap bulan. Ketua Penolong Pengarah Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) Wilayah Putrajaya Rohaizad Abd Fandi berkata golongan itu perlu mematuhi undang-undang cukai walaupun mungkin pendapatan mereka tidak dikenakan cukai kerana tidak melebihi nilai ambang.

“Secara amnya, pendapatan pempengaruh ini adalah termasuk dalam ekonomi digital. Mengikut pasaran, marketing influencer di Malaysia, Mikro Influencer ialah mereka yang mempunyai lebih 10,000 pengikut di laman sosial dan dianggarkan memperoleh purata lima kerja mempromosi barangan dan perkhidmatan dalam sebulan.

“Manakala Makro Influencer pula mempunyai lebih 100,000 pengikut dan menjadikan kerjaya itu sebagai kerjaya sepenuh masa dengan membantu jenama dalam mempromosikan produk atau perkhidmatan mereka di media sosial.

“Dari sinilah golongan influencer memperoleh pendapatan lumayan dan layak dikenakan cukai,” katanya ketika menjadi tetamu program Klinik Cukai dengan tajuk ‘ Influencer, Pengaruh Hebat Cukai' di Bernama Radio di sini hari ini.

Mengikut Rohaizad lagi, pempengaruh juga boleh dikenakan cukai di bawah kategori pembayar cukai individu berpendapatan perniagaan kerana menerima keuntungan daripada menjalankan perniagaan, perdagangan, pencarian atau profesion termasuk perniagaan yang tidak berdaftar dengan mana-mana pihak berkuasa.

Beliau berkata untuk kategori pembayar cukai ini, pempengaruh perlu mengemukakan Borang Nyata Cukai Pendapatan (BNCP) menggunakan borang B melalui perkhidmatan e-Filing yang boleh diakses di portal MyTax bagi melaporkan pendapatan mereka.

“Mereka perlu menghantar borang berkenaan sebelum 30 Jun setiap tahun dan jika layak dikenakan cukai, mereka perlu membayar cukai sebelum 30 Jun pada tahun itu. Segala dokumen dan rekod perniagaan juga perlu disimpan selama tujuh tahun sama ada secara elektronik atau manual.

“Antara dokumen yang perlu disimpan termasuk perbelanjaan domestik dan persendirian; penyata bank; penyata pendapatan daripada syarikat pengiklanan; invois dan pengesahan transaksi jualan serta belian selain dokumen perjanjian antara influencer dan syarikat yang mengupah mereka bagi tujuan ulasan produk atau perkhidmatan,” katanya.

Rohaizad berkata kegagalan menyimpan rekod percukaian akan mengakibatkan risiko tuntutan belanja atau pelepasan cukai tidak dibenarkan dan boleh didakwa dengan denda tidak melebihi RM10,000 serta penjara sehingga 12 bulan atau kedua-duanya.

Beliau seterusnya berkata pempengaruh tidak perlu risau untuk melaporkan pendapatan kepada LHDN kerana pendapatan bercukai mereka boleh dikurangkan dengan pelepasan cukai yang dituntut berdasarkan jumlah pendapatan seperti tuntutan sewa untuk tujuan kerja dan sebagainya.

“Kepatuhan terhadap undang-undang cukai bukan hanya tanggungjawab individu, tetapi juga sumbangan kepada pembangunan negara. Influencer , sebagai suara masyarakat, harus mengambil peranan aktif dalam memberi contoh yang baik kepada masyarakat dalam hal percukaian,” katanya.

Beliau berkata LHDN akan menganjurkan Seminar Percukaian Kebangsaan pada 23 serta 29 Okt ini dan orang ramai yang ingin turut serta boleh mendaftar di seminar.hasil.gov.my.

